

## KEPUASAN TERHADAP PERUMAHAN DAN SISTEM PERUMAHAN BERKONSEPKAN ISLAM

**Zakiah Jamaluddin**  
Sekolah Pembangunan Sosial  
Universiti Utara Malaysia

*Sinopsis : Kertas ini mengupas persoalan-persoalan tingkat kepuasan penghuni terhadap rumah yang diduduki iaitu ciri-ciri fizikal seperti saiz bilik, saiz dapur, struktur perumahan dan reka bentuk rumah, tingkat kepuaran penghuni terhadap persekitaran termasuklah hubungan kejiranan, rekreasi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak pemaju, konsep perumahan Islam sebagai alternatif kepada perumahan kos rendah yang sedia ada.*

### **Pendahuluan :**

Rumah merupakan salah satu keperluan asas manusia. Salah satu program kerajaan dalam memastikan pemilikan rumah oleh setiap rakyat khususnya bagi golongan berpendapatan rendah ialah melalui projek perumahan kos rendah. Namun, pembinaan rumah kos rendah semata-mata tidak akan membawa makna jika penghuni tidak dapat menikmati kehidupan yang selesa. Banyak kajian menunjukkan bahawa kepuasan terhadap perumahan merupakan salah satu komponen penting yang mempengaruhi kualiti hidup (Peck dan Stewart, 1985; Husna dan Nurizan, 1987; Lawrence, 1995). Ini kerana ketidakpuasan ini boleh membawa kepada pelbagai implikasi termasuklah pencemaran persekitaran, kesesakan, menjejaskan kesihatan mental dan pelbagai masalah keluarga (Nurizan Yahya, 1998: 135).

Beberapa aspek fizikal seperti ruangan dapur, bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan tandas seharusnya dibina oleh pemaju, malahan saiznya juga patut dititikberatkan. Pemaju tidak wajar mewujudkan setiap ruangan tersebut dengan ala kadar sahaja kerana ia memainkan peranan penting dalam menjamin tingkat kepuasan penghuni yang seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Begitu juga dengan aspek persekitaran di mana pemaju harus menitik beratkan suasana persekitaran yang menjamin kesejahteraan sosial para penghuni. Kemudahan taman permainan kanak-kanak, perkhidmatan mengutip sampah, kemudahan melakukan kegiatan kebajikan dan ibadat serta ciri-ciri keselamatan di kawasan kediaman memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat. Tanpa kemudahan dan perkhidmatan tersebut, beberapa masalah sosial seperti aktiviti melepak dan mencuri boleh berleluasa. Penyakit berjangkit juga mudah merebak seandainya kebersihan tidak dijaga akibat sampah sarap yang bertaburan dan najis-najis binatang ternakan tidak dibersihkan. Oleh itu, pemaju harus mengambil kira dan menitik beratkan aspek-aspek tersebut dalam melaksanakan sesuatu projek perumahan.

Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap rumah kos rendah (Sulong Mohamad, 1984; Husna dan Nurizan, 1987; Mohd Razali Agus, 1993; Zakiyah Jamaluddin, 1995) mendapati terlalu banyak rungutan dan aduan oleh penghuni misalnya terdapat kualiti bahan binaan, saiz ruang dapur, bilik tidur, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pemaju dan sebagainya. Oleh itu penulis ingin mencadangkan sistem perumahan berkonsepkan Islam sebagai alternatif dalam mengatasi masalah-masalah berkaitan. Justeru, sebuah perumahan kos rendah di Jitra, Kedah, yang dimajukan oleh sebuah syarikat swasta telah dipilih sebagai sampel kajian.

### **Rekabentuk kajian**

Responden kajian terdiri daripada penghuni-penghuni rumah kos rendah di Taman Bersatu, Jitra, Kedah. Daripada 555 unit rumah teres kos rendah selapis yang dirancang untuk dibina, hanya 268 unit rumah kos rendah sahaja yang dibina sehingga kajian lapangan dilakukan (1998) kerana pemaju iaitu Cayman Devt. Sdn. Bhd., menghadapi masalah kewangan.

Daripada 268 unit rumah kos rendah yang dibina, hanya 167 rumah sahaja yang diduduki. Dengan itu, hanya sebilangan kecil sahaja dari rumah-rumah kos rendah yang dipilih yakni sebanyak 90 buah. Ini mengambil kira ketika kajian dijalankan, hanya sebahagian kecil dari jumlah sebenar rumah di diami. Di samping itu, hanya penghuni yang telah tinggal lebih dari lima bulan dari tarikh diduduki sahaja diambil sebagai sampel bagi menguji tingkap kepuasan mereka.

Sampel yang diambil ialah berbentuk stratifikasi rawak kerana setiap barisan rumah teres dipilih agar ciri-ciri demografi yakni pendapatan, bangsa, isi rumah, agama, kepercayaan dan budaya tidak berbeza. Malahan sewaktu kajian dilakukan terdapat baris-baris rumah yang kosong, tiada berpenghuni. Oleh itu pemilihan dibuat hanya bagi baris yang semua unit rumah didiami.

### **Instrumen kajian**

Borang soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat mengenai kepuasan penghuni terhadap elemen fizikal rumah, elemen persekitaran rumah dan elemen kejurangan perumahan tersebut. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan keputusan analisis ditunjukkan dalam jadual mengikut kekerapan dan peratusan serta jadual silang (*cross-tab*). Statistik Chi-Square digunakan untuk melihat perkaitan antara item sama ada ia mempunyai perkaitan yang signifikan atau tidak. Aras perkaitan yang diambil kira ialah pada tahap 0.05.

### **Data Demografi**

Seramai 90 orang responden terlibat sebagai sampel kajian dan dari jumlah tersebut, 92.2% responden telah berkahwin, 5.6% belum berkahwin/bujang manakala duda/ janda masing-masing mencatat 1.1%. Daripada 90 responden ini, sebanyak 28.9% adalah suami/ketua keluarga dan 71.1% terdiri dari para isteri. Sejumlah besar responden adalah kaum Melayu iaitu 75.6% dan selebihnya ialah kaum India, China dan Siam (24.4%). Ini kerana sebilangan besar penghuni yang tinggal di Taman Bersatu adalah kaum Melayu.

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden menduduki rumah mereka dalam jangkamasa antara lima bulan ke tiga tahun. Hanya segelintir sahaja yang telah menduduki rumah antara 4-6 tahun. Sebahagian besar dari mereka adalah pemilik rumah iaitu 65.6% sementara golongan penyewa ialah seramai 34.4%.

### **Jumlah Isirumah**

Jumlah isirumah yang dikaji didapati tidak melebihi sembilan orang, mungkin disebabkan oleh faktor keselesaan dan reka bentuk rumah yang

tidak sesuai dan terlalu kecil bagi mereka yang mempunyai keluarga yang besar. Sebanyak 55.6% responden mempunyai 4-6 orang isirumah dan ini juga merupakan kategori yang tertinggi berbanding kategori yang lain.

### Tingkat Kepuasan Terhadap Rumah Yang Diduduki Kini

Tingkat kepuasan responden boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keadaan fizikal rumah tersebut dan keadaan persekitaran rumah. Dari segi keadaan fizikal rumah, didapati bahawa kadar ketidakpuasan adalah tinggi bagi saiz ruang dapur (82.2%), kualiti bahan binaan (74.4%) serta keadaan jalan, parit dan longkang (74.4%).

**Jadual 1**  
**Tingkat Kepuasan Responden Terhadap Keadaan Fizikal**  
**Rumah Yang Diduduki Sekarang**

Keadaan Fizikal	Puas Hati		Tidak Puas Hati	
	Bil	%	Bil	%
Reka bentuk rumah	51	56.7	39	43.3
Struktur dalaman rumah	46	51.1	44	48.9
Struktur kawasan perumahan	74	82.2	14	15.6
Jumlah bilik tidur	67	74.4	22	24.4
Saiz bilik tidur utama	60	66.7	29	32.2
Saiz ruangan dapur	16	17.8	74	82.2
Saiz ruang rehat/tamu	71	78.9	19	20.1
Tandas	77	85.6	11	12.2
Kualiti mutu bahan binaan	22	24.4	67	74.4
Bekalan air	80	88.9	10	11.1
Bekalan elektrik	80	88.9	10	11.1
Peredaran udara	69	76.7	21	23.3
Keluasan halaman rumah	63	70.0	26	28.9
Keadaan jalan, parit dan longkang	22	24.4	67	74.4

\* lebih daripada satu jawapan


### Dapur

Perasaan tidak puas hati terhadap saiz ruang dapur timbul kerana sebenarnya pemaju tidak langsung menyediakan ruangan untuk dapur (rujuk rajah 1). Ruang untuk dapur dan ruang makan diwujudkan bersama-sama ruang tamu tanpa adanya sekatan. Sinki untuk membasuh pinggan mangkuk juga diletakkan di ruang tersebut. Oleh itu pelbagai langkah telah diwujudkan oleh responden bagi mengatasi masalah tersebut (lihat jadual).

Satu cara yang digunakan oleh responden yang kebanyakannya penyewa, ialah dengan mewujudkan partition, meletakkan almari atau perabot di ruang tamu untuk dijadikan kawasan dapur. Majoriti responden (68.9%) memilih kaedah kedua iaitu dengan menjadikan bilik hujung (no.3) untuk dijadikan dapur. Keadaan ini biasanya wujud bagi penghuni yang mempunyai keluarga yang sedikit atau yang mempunyai isirumah lelaki yang ramai agar anak lelaki yang remaja boleh tidur di ruang tamu. Cara ketiga ialah dengan mengubahsuai bahagian belakang rumah dengan menambah atau membina bahagian belakang untuk dijadikan dapur.

**Jadual 2**  
**Cara Mewujudkan Dapur**

Kaedah digunakan	Bilangan	Peratusan
Bilik hujung dijadikan dapur	62	69.0
Ubah suai belakang	21	23.3
Wujudkan Partition, almari/ Perabot	7	7.7
<b>Jumlah</b>	<b>90</b>	<b>100.0</b>



Rajah 1

Ketiadaan ruangan dapur yang khusus telah menyebabkan timbulnya beberapa masalah misalnya apabila responden ingin mengadakan kenduri/ keramaian. Ia juga menyebabkan ruang tamu menjadi lebih sempit dan menimbulkan kesesakan di dalam rumah. Jika responden mempunyai bilangan anak yang ramai, sudah pasti hal ini akan menimbulkan masalah apabila bilik ketiga dijadikan dapur. Ada pula di kalangan anak-anak responden yang terpaksa tidur di ruang tamu akibat ketiadaan bilik kerana bilik ketiga telah dijadikan dapur.

Kedadaan kesesakan ini boleh mempengaruhi kesihatan mental sesebuah keluarga. Anak-anak yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kesesakan ini biasanya akan mencari alternatif lain dengan berada di luar rumah dan inilah yang merupakan antara punca timbulnya masalah lepak di kalangan remaja, lari dari rumah atau mencari hiburan di luar rumah. Kajian Ahmad Nurulazam Md Zain dan Mustapa Kasim (1995) serta Iran Herman (1995) menunjukkan remaja melepak kerana keadaan di rumah yang terlalu ramai untuk menenangkan fikiran, keadaan di rumah yang sempit dan ketiadaan 'privacy' di rumah.

#### Kualiti bahan binaan

Penghuni turut tidak berpuas hati terhadap kualiti bahan binaan kerana ia mudah retak. Misalnya apabila responden ingin memaku di dinding untuk menggantung gambar, maka serpihan dinding tersebut akan jatuh dan lama kelamaan gambar tersebut juga akan jatuh. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) seringkali menerima aduan berkenaan kualiti bahan binaan rumah kos rendah yang tidak memuaskan, namun tiada sebarang tindakan dikenakan terhadap pemaju (Mohd Ali Hj. Baharum, 1991).

#### Kedadaan jalan, parit dan longkang

Ketidakpuasan terhadap parit dan longkang timbul akibat keadaannya yang sering tersumbat kerana tingkah laku penghuni sendiri yang gemar membuang sampah ke dalam longkang dan parit. Ia akan menimbulkan bau yang kurang enak kerana pengaliran air tidak dapat berjalan lancar dan menimbulkan pencemaran bau serta boleh mendatangkan penyakit seperti aedes dan demam denggi apabila menjadi sarang nyamuk. Manakala

keadaan jalan-jalan di Taman Bersatu seringkali dipenuhi dengan sampah sarap dan najis-najis binatang seperti najis lembu yang bertaburan di atas jalan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil sebarang tindakan.

#### *Tingkat Kepuasan Terhadap Keadaan Persekitaran Perumahan*

Secara keseluruhannya sebahagian besar penduduk di taman ini berpuas hati terhadap keadaan persekitaran di seluruh kawasan ini. Walau bagaimanapun, kadar ketidakpuasan hati adalah tinggi bagi kemudahan taman permainan kanak-kanak (58.9%), kemudahan telefon awam (92.2%) dan perkhidmatan mengutip sampah (66.7%).

Taman permainan kanak-kanak di kawasan perumahan ini tidak terjaga dan dipenuhi dengan lalang serta banyak alat permainan iaitu buaian, jongkang-jongkit dan papan geluncur yang rosak. Taman ini juga dipenuhi dengan najis binatang seperti najis lembu, di samping terdapat kaca, botol dan kayu yang mungkin mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak yang bermain di situ.

Terdapat hanya sebuah telefon awam yang terletak berhampiran dengan sebuah rumah kampung di jalan masuk menuju ke Taman Bersatu. Ini mungkin menimbulkan kesulitan kepada para penghuni jika ingin menggunakan kemudahan tersebut di saat kecemasan. Namun demikian, keseluruhan responden mempunyai kemudahan telefon di rumah masing-masing.

Responden juga tidak berpuas hati dengan perkhidmatan mengutip sampah kerana banyak sampah yang bertaburan di atas jalan. Kemudahan perkhidmatan mengutip sampah yang dilakukan oleh pihak Majlis Daerah Kubang Pasu hanya dilakukan seminggu sekali, ini menyebabkan bau busuk kerana sampah tersebut dibiarkan begitu sahaja sehingga berulat dan dihirngapi oleh lalat dan boleh mendatangkan pelbagai penyakit.

**Jadual 3**  
**Tingkat Kepuasan Responden Terhadap Keadaan Persekitaran Perumahan Yang Diduduki Sekarang**

Keadaan Persekitaran	Puas Hati		Tidak Puas Hati	
	Bil	%	Bil	%
Kemudahan tempat letak kereta	64	71.1	26	28.9
Kemudahan untuk membeli belah	54	60.0	35	38.9
Jarak rumah ke sekolah anak	83	92.2	7	7.8
Jarak rumah ke hospital, balai bomba dan polis	85	94.4	4	4.4
Jarak rumah ke tempat kerja	61	67.8	22	24.4
Taman permainan kanak-kanak	24	26.7	53	58.9
Kemudahan melakukan kegiatan kebajikan dan ibadat	60	66.7	29	32.2
Sistem yang diwujudkan bagi menjaga persekitaran kawasan perumahan	52	57.8	36	40.0
Langkah-langkah untuk eratkan hubungan	63	70.0	24	26.7
Kadar kebisingan di sekitar kediaman	77	85.6	13	14.4
Perkhidmatan telefon awam	7	7.8	83	92.2
Kekerapan perkhidmatan mengutip sampah	30	33.3	60	66.7
Ciri-citi keselamatan di kawasan kediaman	72	80.0	18	20.0

\* lebih daripada satu jawapan

*Perbezaan di antara jangkamasa lama mendiami rumah dengan tingkat kepuasan terhadap kekerapan perkhidmatan mengutip sampah*

Terdapat perbezaan yang signifikan (0.018) diantara jangka masa lama mendiami rumah dengan tingkat kepuasan terhadap kekerapan perkhidmatan mengutip sampah. Ini bererti semakin lama responden mendiami rumah di kawasan kajian, menunjukkan reaksi atau tahap ketidakpuasan yang ketara. Ini diperlihatkan oleh mereka yang telah menginap lebih daripada 1-3 tahun dan 4-6 tahun.

**Jadual 4**  
**Jangkamasa lama mendiami rumah dengan tingkat kepuasan terhadap kekerapan perkhidmatan mengutip sampah**

Jangkamasa lama mendiami rumah	Tingkat kepuasan terhadap kekerapan perkhidmatan mengutip sampah		Jumlah
	Puas hati	Tidak puas hati	
Kurang dari 1 tahun	21 (47.7%)	23 (52.3%)	44 (100.0%)
1 - 3 tahun	8 (20.0%)	32 (80.0%)	40 (100.0%)
4-6 tahun	1 (16.7%)	5 (83.3%)	6 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	30 (33.3%)	60 (66.7%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 8.052, df = 2, Asymp. Sig. = 0.018

**Perbezaan di antara Bangsa dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur**

Kajian ini menunjukkan perbezaan yang signifikan (0.000) di antara faktor bangsa dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur. Ini menunjukkan semua bangsa terutamanya yang bukan Melayu menunjukkan tahap puas hati yang tinggi terhadap jumlah bilik tidur yang disediakan oleh pemaju.

**Jadual 5**  
**Bangsa dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur**

Bangsa	Tingkat kepuasan terhadap Jumlah bilik tidur			Jumlah
	Tidak menjawab	Puas hati	Tidak puas hati	
Melayu	1 (1.5%)	48 (70.6%)	19 (27.9%)	68 (100.0%)
Cina		10 (90.9%)	1 (9.1%)	11 (100.0%)
India		7 (87.5%)	1 (12.5%)	8 (100.0%)
Siam		2 (66.7%)	1 (33.3%)	3 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	1 (1.1%)	67 (74.4%)	22 (24.4%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 18.593, df = 3, Asymp. Sig. = 0.000

**Perbezaan di antara bangsa dengan perbandingan interaksi dengan jiran di sekitar kediaman**

Penelitian yang dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (0.008) di antara bangsa dengan perbandingan interaksi dengan jiran di sekitar kediaman. Ini bermakna hubungan kejiranan yang positif tanpa mengira bangsa terdapat di kawasan kajian.

**Jadual 6**  
**Bangsa dengan perbandingan interaksi dengan jiran di sekitar kediaman**

Bangsa	perbandingan interaksi dengan jiran di sekitar kediaman				Jumlah
	Tidak menjawab	Semakin baik	Semakin buruk	Sama	
Melayu	3 (4.4%)	29 (42.6%)	4 (5.9%)	32 (47.1%)	68 (100.0%)
Cina		2 (18.2%)	4 (36.4%)	5 (45.5%)	11 (100.0%)
India		1 (12.5%)	1 (12.5%)	6 (75.0%)	8 (100.0%)
Siam		1 (33.3%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	3 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	3 (3.3%)	33 (36.7%)	10 (11.1%)	44 (48.9%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 17.373, df = 6, Asymp. Sig. = 0.008

**Perbezaan di antara bangsa dengan perbandingan keadaan persekitaran untuk membesarkan anak-anak**

Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (0.001) diantara faktor bangsa dengan keadaan persekitaran untuk membesarkan anak-anak. Semua bangsa merasakan persekitaran perumahan kos rendah yang didiami sekarang adalah lebih baik berbanding dengan rumah dahulu dengan adanya kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, surau dan ciri-ciri keselamatan seperti pili bomba yang diwujudkan oleh pemaju bagi kemudahan, kebajikan dan keselamatan penghuni termasuklah kanak-kanak.

**Jadual 7**  
Bangsa dengan perbandingan keadaan persekitaran untuk  
membesarkan anak-anak

Bangsa	Perbandingan keadaan persekitaran untuk membesarkan anak-anak					Jumlah
	Tidak menjawab	Semakin baik	Semakin buruk	Sama	Sukar ditentukan	
Melayu	2 (2.9%)	39 (57.4%)	9 (13.2%)	16 (23.5%)	2 (2.9%)	68 (100.0%)
Cina		4 (36.4%)	1 (9.1%)	6 (54.5%)	1 (12.5%)	11 (100.0%)
India		4 (50.0%)	2 (25.0%)	1 (12.5%)		8 (100.0%)
Siam		2 (66.7%)	1 (33.3%)			3 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	2 (2.2%)	49 (54.4%)	13 (14.4%)	23 (25.6%)	3 (3.3%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 32.010, df = 12, Asymp. Sig. = 0.001

**Perbezaan di antara bangsa dengan keperluan mengubahsuai bilik mandi dan tandas**

Kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan (0.002) di antara faktor bangsa dengan keperluan mengubahsuai bilik mandi dan tandas. Bangsa Melayu terutamanya merasakan tidak perlu melakukan pengubahsuaian terhadap bilik mandi dan tandas disebabkan faktor masalah kewangan.

**Jadual 8**  
Bangsa dengan keperluan mengubahsuai bilik mandi dan tandas

Bangsa	keperluan mengubahsuai bilik mandi dan tandas			Jumlah
	Tidak menjawab	Ya	Tidak	
Melayu	2 (2.9%)	15 (22.1%)	51 (75.0%)	68 (100.0%)
Cina		8 (72.7%)	3 (27.3%)	11 (100.0%)
India		5 (62.5%)	3 (37.5%)	8 (100.0%)
Siam		3 (100.0%)		3 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	2 (2.2%)	31 (34.4%)	57 (63.3%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 20.390, df = 6, Asymp. Sig. = 0.002

**Perbezaan di antara bilangan isi rumah dengan tingkat kepuasan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak**

Terdapat hubungan yang signifikan (0.047) di antara bilangan isi rumah dengan tingkat kepuasan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak. Tahap ketidakpuasan adalah tinggi bagi setiap kategori bilangan isirumah. Ini bermakna semakin besar saiz ini rumah maka semakin meningkat keinginan untuk mendapatkan taman permainan kanak-kanak yang berkeadaan baik.

**Jadual 9**  
Bilangan isi rumah dengan tingkat kepuasan terhadap  
keadaan taman permainan kanak-kanak

Bilangam isirumah	Tingkat kepuasan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak			Jumlah
	Tidak menjawab	Puas hati	Tidak puas hati	
1-3	9 (31.0%)	6 (20.7%)	14 (48.3%)	29 (100.0%)
4-6	3 (6.0%)	15 (30.0%)	32 (64.0%)	50 (100.0%)
7-9	1 (9.1%)	3 (27.3%)	7 (63.6%)	11 (100.0%)
<b>Jumlah</b>	13 (14.4%)	24 (26.7%)	53 (58.9%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 9.629, df = 4, Asymp. Sig. = 0.047

**Konsep Perumahan Menurut Perspektif Islam**

**Ruang**

Antara faktor yang menyebabkan ketidakselesaan ialah tiadanya ruangan yang khusus untuk ahli keluarga penghuni antara yang lelaki dan perempuan dan tiada pembahagian ruang antara penghuni dan tetamu. Melihat kepada rekabentuk dalaman rumah kos rendah di kawasan kajian, ruang tamu dan dapur tidak dipisahkan dan tiada pembahagian bilik tidur yang khusus untuk mengasingkan anak lelaki dan anak perempuan. Pengasingan bilik tidur antara dua jantina anak-anak amat diutamakan di dalam ajaran Islam terutama bagi kanak-kanak yang sudah *mumayyiz* (mampu berfikir) (Siti Zalikah Md. Noor 1996 : 7). Amalan ini adalah tuntutan Islam sebagaimana yang diutarakan oleh sebuah hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh al-Hakin dan Abu Daud yang bermaksud:


*"Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang apabila usia mereka tujuh tahun dan pukullah mereka jika mereka meninggalkan sembahyang apabila usia*

mereka mencapai sepuluh tahun dan pisahkanlah di antara mereka tempat tidur mereka."

Pemisahan tempat tidur yang dimaksudkan ini adalah di antara ibu-bapa dan anak-anak dan juga antara anak lelaki dan perempuan. Hal ini amat diperhatikan oleh Islam demi menjaga akhlak dan mendidik hawa nafsu mereka ke jalan yang diredhai Allah. Dalam usia *murahik* (belasan tahun) percampuran anak lelaki dan perempuan di dalam satu tempat tidur dikhuatiri akan merangsang nafsu jantina mereka apabila terpancang aurat antara mereka samada secara sedar atau tidak yang mana semua ini akan menjurus kepada kerosakan akhlak dan keruntuhan moral yang natijahnya amat sukar dibendung (Abdullah Nasih Ulwan, 1988 : 36)

Selain dari itu keselesaan sesebuah rumah juga membawa maksud kemudahan untuk menerima tetamu dan kesediaan untuk menerima mereka dengan mesra dan murahati (Siti Zalikah Md. Noor, 1996: 7). Ruang tamu yang sempit di kawasan perumahan ini tidak mampu mengasingkan kaum wanita dan lelaki apabila mereka melayan tetamu. Pada hakikatnya rekabentuk sebuah rumah tradisional Melayu amat kuat dipengaruhi oleh faktor sosial dan agama. Tetamu lelaki yang berkunjung akan menduduki ruang serambi manakala kaum wanita berkumpul di ibu rumah (Zulkifli Hanafi 1985 :24).

**Rajah 2**  
**Ruangan Rumah Tradisional Melayu**



Sumber : Zulkifli Hanafi, 1985 : 25

Pada kebiasaannya dalam senibina sesebuah rumah moden, ciri-ciri ini dikekalkan di mana serambi rumah dikenali sebagai ruang tamu manakala ibu rumah adalah ruang keluarga. Kekurangan ini jelas terdapat pada reka bentuk rumah kos rendah di mana ruang tamu tidak dipisahkan dengan ruang makan atau ruang keluarga. Malah pada ketika yang sama jika rumah mereka dikunjungi tetamu anak-anak harus berada di dalam bilik ataupun mereka terpaksa keluar merayau-rayau. Mungkin inilah salah satu faktor kenapa remaja belasan tahun kerap didapati melepak ketempat-tempat yang tidak sewajarnya demi mencari ketenangan. Jika perkara ini sering berlaku pastilah mengundang rasa ketidakselesaan dan kemesraan di antara tetamu dan tuan rumah sedangkan tujuan ziarah-menziarahi di antara masyarakat Islam adalah untuk mengeratkan perhubungan dan persaudaraan, sedangkan pada waktu yang sama hubungan di antara ahli keluarga itu sendiri semakin renggang.

### Tandas

Tandas merupakan satu lagi ciri yang perlu diberi perhatian dalam pembinaan sesebuah rumah. Walaupun tandas yang dibina di dalam rumah-rumah moden mempunyai sistem pembentungan yang teratur dan selamat, namun ajaran Islam yang mengambil berat soal adab dan kesopanan telah menggariskan kaedah tertentu untuk membina tandas. Dalam sebuah hadis riwayat Al-Bukhari yang kira-kira bermaksud;

*"Apabila seseorang membuang air, janganlah kiranya ia menghadap ke arah qiblat atau membelakangkannya, tetapi menghadaplah samada ke barat atau ke timur"*

Hadis ini menyarankan agar tidak menghadap atau membelakangkan qiblat ketika membuang air tetapi memilih arah selain dari dua arah di atas sebagai tanda penghormatan kepada Rumah Suci itu. Walau bagaimanapun menurut tafsiran Muhsin Khan, pentafsir kitab hadis al-Bukhari, tandas moden diberi kelonggaran kerana berdingin dan boleh diposisikan ke mana jua, namun memelihara adab adalah lebih diutamakan (Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 1999: 140).



### Taman permainan kanak-kanak

Dalam stau riwayat mengisahkan bagaimana Nabi Muhamad pernah bermain dengan kedua-dua cucu-cucunya Hasan dan Husin dengan cara yang mungkin tidak pernah dilakukan oleh sebahagian umatnya iaitu membenarkan belakangnya ditanggung oleh kedua cucunya itu (Abdullah Nasih Ulwan 1988 : 611) Hadis ini bermaksud;

*Al-Thabrani telah meriwayatkan daripada Jabir katanya; Saya pernah datang ke rumah Rasulullah dan melihat Baginda sedang merangkak atas empat kakinya (dua kaki dan tangan). Di belakangnya ditanggung Hasan dan Husin, sambil Baginda bernyanyi: 'Sebaik-baik unta ialah unta kaum berdua, dan sebaik-baik penunggang ialah kamu berdua.'*

Malah menurut Jumhur ulamak, menggalakkan kanak-kanak bermain dan memberi masa untuk mereka bermain akan melapangkan jiwa mereka, menghilangkan kebosanan belajar, memperbaharui kecergasan, membersihkan otak dan meringankan jasmani mereka daripada dihindangi penyakit dan bencana (Abdullah : 613).

Agak mendukacitakan apabila taman permainan di taman ini tidak boleh dimanfaatkan kerana hampir 90% peralatannya telah rosak selain dari terdapat najis-najis binatang daripada ternakan penduduk dari kampung bersebelahan serta sampah sarap yang berupa kaca dan besi-besi karat yang turut dibuang di situ.

Untuk mengalihkan pandangan kepada permainan 'in door' seperti permainan berkomputer dan seumpamanya, sememangnya tidak mampu diadakan oleh ibu-bapa kanak-kanak di kawasan ini memandangkan pendapatan hidup mereka yang sangat rendah. Seharusnya jawatankuasa taman perumahan ini memikirkan sesuatu sebagai alternatif kepada anak-anak mereka seumpama menyediakan PAK atau Pusat Aktiviti Kanak-kanak dalam kawasan penempatan mereka bagi mengawal dan menjamin aktiviti dan hubungan sosial yang sihat di kalangan anak-anak mereka.

### Sistem Perparitan

Antara perkara yang diutarakan oleh Ibn al-Rumi di dalam kitabnya 'Kitabul i'lan bi Ahkam Bunyan' atau *The Book for Communicating Building Solution* ialah masalah sistem perparitan dan saluran ataupun longkang, terutama yang memandang berat jiran atau orang lain yang mempunyai hubungan sosial dengan kita.

Ia merupakan implimentasi keimanan dalam tindakan terhadap Pencipta dan persekitaran. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

*"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasulnya serta hari akhirat, hendaklah memuliakan jirannya"*

Di samping mengemukakan kaedah bagaimana membina saluran yang betul untuk menyalirkan air hujan dan juga air kumuhan atau air kotor yang difahamkan sebagai longkang atau parit, beliau juga membicarakan soal tanggungjawab membersihkan tempat limbahan tersebut dengan mengambil kira hak jiran yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam masalah akibat dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan (Besim Salim Hakim, 1986 : 48-54).

Perasaan tanggungjawab harus disemai di jiwa masyarakat setempat agar tidak membiarkan sisa-sisa makanan dan sampah sarap menyekat aliran air. Walaupun tugas membersihkan ini boleh diserahkan kepada pekerja-pekerja bandaran tetapi jika tiada kerjasama daripada penduduk ia akan menjadi satu beban kepada individu tersebut dan menimbulkan masalah kepada orang semua penduduk di tempat tersebut.

### Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kadar ketidakpuasan yang tinggi terhadap beberapa ciri-ciri fizikal dan persekitaran di kawasan perumahan kos rendah, Taman Bersatu. Kadar ketidakpuasan bagi ruang fizikal adalah tinggi terutamanya bagi ruang dapur (82.2%), kualiti bahan binaan (74.4%) dan keadaan jalan, parit serta longkang (74.4%). Penemuan ini adalah sama dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Razali Agus (1993) serta Nurizan Yahya dan Halimah Ahmad (1993).

Kajian ini juga memaparkan bahawa kebanyakan responden telah melakukakan pengubahsuaian terhadap ruang dapur, ruang tamu serta bilik mandi dan tandas. Keadaan ini adalah selaras dengan bertambahnya bilangan ahli keluarga dan meningkatnya pendapatan isirumah. Kemampuan inilah yang mempengaruhi responden untuk mengubahsuaikan rumah mereka.

Bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membuat pengubahsuaian rumah, pemaju perumahan seharusnya memikirkan tentang keperluan penghuni tersebut. Jika tidak, ini menggambarkan pemaju seolah-olah memaksa penghuni berpendapatan rendah menyesuaikan diri dengan saiz rumah yang dibekalkan.

Hasil dari keseluruhan kajian dan pemerhatian ke atas tingkat kepuasan penghuni rumah kos rendah di Taman Bersatu, maka adalah penting untuk melakukan beberapa tindakan dan perubahan bagi kesan jangka panjang terhadap pihak-pihak yang berkenaan iaitu pemaju, penghuni dan pihak kerajaan sendiri. Sehubungan dengan itu beberapa cadangan perlu dikemukakan.

- i. Menggunakan SIA (*Social Impact Assesment*) atau Penilaian Impak Sosial dalam kerangka awal iaitu fasa perancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah swasta. Pihak kerajaan bersama-sama pihak pemaju perlu mengambil kira manfaat sosial dan cuba mengelak sedaya mungkin masalah yang akan timbul kesan dari pemilihan tapak pembinaan, pelan struktur rumah, kuota pembeli dan seumpamanya ke atas penghuni dan masyarakat sekeliling. Ini kerana kajian ini dan beberapa kajian sebelumnya mendapati pelbagai implikasi sosial boleh berlaku akibat ketidakpuasan terhadap ciri fizikal dan keadaan persekitaran perumahan.
- ii. Perlunya diwujudkan Akta Penghuni. Akta ini perlu digariskan bersama-sama dengan Akta Pemaju yang akan dikuatkuasa oleh pihak kerajaan tidak lama lagi. Peraturan ini adalah bagi menjamin hak pengguna agar tidak ditipu dan diambil kesempatan oleh pihak pemaju perumahan apabila melakukan apa-apa penyelewengan. Hakikat ini amat penting kerana suara penghuni khususnya di rumah-rumah kos rendah sering tidak dipedulikan lantaran kedudukan mereka dan kepentingan pemaju.

- iii. Peranan Kerajaan Negeri. Pihak kerajaan harus menyedari bahawa penyerahan sebahagian tugas pembinaan rumah kos rendah kepada sektor swasta adalah untuk tujuan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan. Oleh itu pihak kerajaan mestilah mengawal dan memerhatikan perlaksanaannya dari peringkat awal sewaktu kelulusan dikeluarkan kepada pihak swasta hinggalah siap rumah dibina agar menepati peraturan yang telah ditetapkan. Pihak Kerajaan Negeri haruslah bersikap tegas dan telus ke atas pemaju apabila syarat-syarat tidak dipatuhi agar kebajikan dan hak pembeli terjamin.

Kesedaran dan kerjasama dari semua pihak amat penting bagi memastikan Dasar Perumahan Negara dapat dicapai semaksimum mungkin dan hak semua rakyat tidak dinafikan. Peningkatan dalam mutu pembinaan dan kualiti pentadbiran pihak kerajaan dipercayai akan dapat meningkatkan tahap kepuasan penghuni rumah kos rendah di seluruh negara.

#### Bibliografi

- Besim Salim Halim, 1986, *Arabic - Islamic Cities : Building and Planning Principles*, London : KPI Limited.
- Husna Sulaiman dan Nurizan Yahya, 1987, Housing Provision and Satisfaction of Low Income Households in Kuala Lumpur, *Habitat International*, 13 (4) : 63-39.
- Lawrence, R.J., 1995, Housing Quality : An Agenda for Research, *Urban Studies*, 32 (11): 1155-1664.
- Mohd Ali Hj Baharum, 1991, *Masalah Perumahan : Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mohd Razali Agus, 19913, *Keselesaian Penghuni dan Pilihan Bakal Pembeli Perumahan Kos Rendah di Terengganu Darul Iman*, Laporan untuk Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 1999, *Peranan, Kurikulum dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*, Sekudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Nurizan Yahya, 1998, Kualiti Perumahan dan Kualiti Hidup, *ANALISIS*, 5 (1&2) : 133-149.

Nurizan Yahya dan Halimah Ahmad, 1993, Kepuasan dan Defisit Perumahan di Rumah Kos Rendah Semenanjung Malaysia, *Manusia dan Masyarakat*, 7 : 3 - 20.

Peck, C., dan Stewart, K.K., 1985, Satisfaction With Housing and Quality of Live, *Home Economic Research Journal*, 13 (4) : 363 - 372.

Siti Zalikah Md Nor, 1996, *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*, Selangor : Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.

Sulong Mohamad, 1984, *Perumahan Awam Kos Rendah di Terengganu : Isu, Masalah dan Penerimaan Masyarakat*, Monograf 10, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangsi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakiah Jamaluddin, 1995, Penempatan Semula Setinggalan Melalui Projek Penswastaaan : Kajian Kes di Desa Pandan, Kuala Lumpur, Tesis MA, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Zulkifli Hanapi, 1985, *Kompendium Sejarah Seni bina Timur*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.